

Syor naik kadar cukai tembakau akan diteliti

Langkah selaras dengan kempen antimerokok dilaksanakan kerajaan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan supaya kadar cukai tembakau dinaikkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah itu se-

laras dengan kempen antimerokok yang dijalankan kerajaan.

“Saya setuju dengan semangat ini, bukan kerana saya tidak merokok, tetapi kerana adanya kempen antimerokok,” katanya selepas Majlis Libat Urus Belanjawan 2026, di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kemungkinan kerajaan menaikkan kadar cukai tembakau dalam Belanjawan 2026 yang akan dibentangkan pada Oktober ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Ketika ini, kadar cukai tem-



Anwar pada Majlis Libat Urus Belanjawan 2026 di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. Turut sama, Amir Hamzah dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican (kanan). (Foto BERNAMA)

bakau pada paras 58.6 peratus, manakala Malaysia masih belum mempunyai mekanisma penyesuaian yang tetap untuk penilaian semula cukai tembakau secara berkala.

Sebelum ini ada cadangan untuk kadar cukai tembakau dinaikkan antara 60 hingga 75 peratus.

Pada pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) minggu lalu, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan akan memperluaskan cukai ‘prokesihatan’ dengan menyertakan tembakau, vape dan alkohol.

Beliau dilaporkan berkata, per-

luasan cukai itu bukan sahaja meningkatkan pendapatan kerajaan, sebaliknya untuk menggalakkan perubahan tingkah laku dan membendung peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) di negara ini.

Sementara itu, Amir Hamzah berkata, kerajaan akan memberikan penekanan terhadap sektor pertumbuhan dan bernilai tinggi, terutama membabitkan industri semikonduktor dalam Belanjawan 2026 yang dibentangkan pada Oktober ini.

Beliau berkata, dalam Belan-

jan 2026 kerajaan juga bakal memberi sokongan dalam sektor peralihan tenaga dan ekonomi Islam.

“Belanjawan 2026 adalah belanjawan sulung yang mendokong matlamat RMK13. Langkah yang dirancang akan terus menaikkan siling dan lantai berteraskan tatakelola baik dalam pentadbiran.

“Dalam meningkatkan daya saing negara, sektor pertumbuhan dan bernilai tinggi akan terus disokong, terutama membabitkan industri semikonduktor. Peralihan tenaga dan ekonomi Islam,” katanya.